# Southern Steel Bhd lwn Tenaga Nasional Bhd (UEM Construction Sdn Bhd, pihak ketiga)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S-22–746 TAHUN 2010
SITI KHADIJAH PK
1 JUNE 2015

*Kontrak — Perjanjian — Pelanggaran — Plaintif dan defendan memasuki perjanjian pembekalan elektrik — Sama ada defendan membekalkan elektrik mengikut terma perjanjian — Sama ada defendan memungkiri perjanjian — Akta Kontrak 1950 s 74*

*Tort — Kecuaian — Kewajipan berjaga-jaga — Plaintif dan defendan memasuki perjanjian bekalan elektrik — Bekalan elektrik terputus disebabkan oleh kecuaian pihak ketiga — Sama ada defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga untuk membekalkan bekalan elektrik kepada plaintif secara berterusan — Sama ada defendan mengingkari kewajipan — Sama ada plaintiff mengalami kerugian — Sama ada plaintif berhak menerima ganti rugi daripada defendan — Res ipsa loquitor — Sama ada doktrin res ipsa loquitor terpakai ke atas pihak ketiga — Ganti rugi — Sama ada defendan berhak menerima ganti rugi daripada pihak ketiga — Sama ada pihak ketiga bertangungjawab untuk menanggung rugi defendan atas apa-apa perintah mahkamah untuk dibayar kepada plaintif oleh defendan*

Plaintif merupakan syarikat yang terlibat dalam industri membuat dan/atau mengilang besi manakala defendan pula bertanggungjawab membekalkan keperluan arus elektrik kepada plaintif bagi tujuan operasi dua kilang membuat besi dan tiga 'rolling mills' miliknya. Masalah timbul apabila berlaku hentian bekalan elektrik ke premis plaintif yang menyebabkan kerugian ke atas plaintif. Lanjutan itu, plaintif memfailkan tindakan ini ke atas defendan bagi menuntut ganti rugi atas kerugian sementara defendan pula menuntut daripada UEM Construction Sdn Bhd ('pihak ketiga') pampasan akibat daripada kecuaian pihak ketiga yang telah menyebabkan masalah tersebut. Plaintif berhujah bahawa kejadian hentian bekalan elektrik tersebut merupakan keingkaran kontrak oleh defendan, oleh itu, defendan bertanggungan untuk membayar ganti rugi ke atas plaintif. Secara alternatif, plaintif berhujah bahawa defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif dan telah mengingkari kewajipan tersebut seterusnya menyebabkan plaintif menanggung kerugian khas dan am. Defendan pula mendakwa bahawa hentian bekalan tersebut adalah disebabkan kecuaian pihak ketiga ketika menjalankan kerja-kerja pembinaan yang menyebabkan

kerosakan kabel-kabel TNB yang membekalkan elektrik ke premis plaintif. Defendan bergantung kepada doktrin *res ipsa loquitur* dalam tuntutan kecuaian terhadap pihak ketiga. Pihak ketiga pula mendakwa bahawa kaedah perlindungan kabel yang diluluskan oleh defendan telah digunakan ketika kerja-kerja pembinaan yang dilakukan olehnya. Pihak ketiga menyatakan bahawa, defendan sendiri harus bertanggungjawab dalam memastikan kabel-kabel elektriknya dalam keadaan baik. Justeru, pihak ketiga menegaskan bahawa doktrin *res ipsa loquitur* tidak terpakai dan apa-apa kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh defendan sendiri, juruteranya dan/atau wakil-wakilnya.

**Diputuskan**, membenarkan tuntutan plaintif ke atas defendan dengan kos RM20,000 dan membenarkan tuntutan defendan ke atas pihak ketiga dengan kos RM10,000:

(1) Merujuk pada perjanjian yang ditandatangani di antara plaintif dan defendan, pada sepanjang masa defendan tidak pernah menyalurkan bekalan elektrik kurang daripada jumlah yang ditetapkan di dalam perjanjian, oleh itu defendan tidak pernah memungkiri terma-terma perjanjian dengan plaintif (lihat perenggan 25)

(2) Pembekalan elektrik oleh defendan kepada plaintif telah terganggu sebagai kesan langsung daripada kerosakan sambungan 6 pada kabel elektrik milik defendan dan akibat daripada itu, plaintif telah mengalami kerugian. Oleh itu, plaintif berhak mendapat ganti rugi am/pampasan atas kerugian tersebut. Namun, beban terletak atas plaintif untuk membuktikan secara ketat segala kerugian yang dialaminya. Dalam kes ini, plaintif gagal membuktikan tuntutannya ganti ruginya secara ketat (lihat perenggan 26–27).

(3) Kerosakan dan kerugian plaintif telah secara munasabahnya dapat diramal oleh defendan kerana defendan tahu tentang kedudukan dan keadaan kabel-kabelnya. Terdapat juga kedekatan pertalian antara plaintif dan defendan dalam kes ini dan defendan patut dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif kerana plaintif merupakan pelanggan yang menyumbang sebahagian besar pendapatan defendan. Oleh itu, defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan kepada plaintif dan telah mengingkari kewajipan tersebut seterusnya mengakibatkan plaintif mengalami kerugian (lihat perenggan 35–36).

(4) Dokumen-dokumen telah dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan tuntutan khas plaintif sebanyak RM8,183,305 namun pegawai yang menyediakan dan mempunyai pengetahuan sebenar mengenai dokumen-dokumen tersebut tidak dipanggil oleh plaintif untuk memberi keterangan, malahan tiada sebab diberikan atas kegagalan mengemukakan pegawai tersebut. Walau bagaimanapun,

berdasarkan s 74 Akta Kontrak 1950, plaintif berhak menerima pampasan atas kerugiannya yang disebabkan oleh putusnya bekalan elektrik pada tempoh insiden berlaku memandangkan ianya merupakan kesan langsung daripada kerosakan yang berlaku pada sambungan 6 kabel elektrik TNB pada sepanjang tempoh kejadian (lihat perenggan 42, 43 & 49).

(5) Pihak ketiga bertanggungan untuk menanggung rugi defendan terhadap apa-apa perintah yang dikenakan oleh mahkamah untuk dibayar kepada plaintif oleh defendan memandangkan pihak ketiga cuai secara sumbangan terhadap kemalangan yang menyebabkan kerosakan kepada sambungan 6 pada kabel TNB. Namun, pihak ketiga tidak bertanggungan untuk membayar ganti rugi kepada defendan kerana kabel-kabel defendan memang sudah lama dan dalam keadaan sensitif, defendan yang seharusnya bertanggungjawab menyelenggara kabel-kabel tersebut. Selain itu, defendan tidak berhak untuk mendapat ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan memandangkan pihak ketiga telah bekerjasama dengan defendan dalam usahanya untuk mengelakkan dari berlaku kerosakan semasa kerjanya dijalankan (lihat perenggan 56 & 61).

(6) Berdasarkan fakta kes, pihak ketiga tidak mempunyai kawalan penuh atas situasi di tempat kejadian, oleh itu, mahkamah tidak boleh membuat anggapan bahawa secara prima facie kejadian tidak akan berlaku jika tidak kerana kecuaian pihak ketiga (lihat perenggan 58).

(7) Dalam kes ini, kerja telah diteruskan tanpa perancangan sewajarnya oleh kedua-dua pihak walaupun dalam keadaan alat-alat TNB begitu lama dan sensitif dan keadaan tanah yang sangat basah. Semuanya faktor-faktor yang disebut di atas telah menjadikan kemalangan yang berlaku dalam kes ini tidak dapat dielakkan lagi. Apa-apa kerja yang dijalankan oleh TNB untuk mengganti kabel elektrik dan/atau peralatan elektrik TNB di tapak projek adalah sesuatu yang sememangnya perlu dan sepatutnya telah dilakukan oleh TNB lama sebelum itu. Dengan itu, tuntuntan ganti rugi khas oleh TNB daripada pihak ketiga dalam perkara ini tidak dibenarkan (lihat perenggan 70–71).

**[English summary**

The plaintiff was a company involved in the industry to create and/or manufacture steel while the defendant was responsible for supplying the needs of electricity to the plaintiff for the purpose of operating two factories making steel and three rolling mills belonging to it. The problem arose when there was a stoppage of electricity supply to the plaintiff's premises which caused damages to the plaintiff. Subsequently, the plaintiff filed this action against the defendant for compensation for the losses while the defendants claimed against UEM Construction Sdn Bhd ('the third party') for compensation arising from the negligence of the third party who has caused the problem. The plaintiff

contended that the electricity supply stoppage incident was in default of the defendant's contract, therefore, the defendant was liable to pay damages to the plaintiff. In the alternative, the plaintiff argued that the defendant had a duty of care to the plaintiffs and had denied its obligation, causing the plaintiff to bear general and specific damages. The defendants claimed that the supply stoppage was due to the negligence of a third party when they were carrying out the construction work that caused damage to the TNB cables that supplied electricity to the premises of the plaintiff. The defendants relied on the doctrine of res ipsa loquitur in the claim for negligence against the third party. The third party claimed that the cable protection method approved by the defendant was used when it carried out the construction works. The third party stated that the defendant himself must be responsible for ensuring the electrical wiring was in good condition. Thus, the third party averred that the doctrine of res ipsa loquitur did not apply and any damage that occurred was caused by the defendant, its engineers and/or its representatives.

**Held**, allowing the plaintiff's claim with costs and allowing the defendants claim over third party with costs:

(1) Referring to the agreement signed between the plaintiff and the defendant, at the material time, the defendant did not supply the electricity lesser than the amount stipulated in the agreement. Therefore, the defendant was never in breach of the terms of the agreement with the plaintiffs (see para 25).

(2) The supply of electricity by the defendant to the plaintiff was interrupted as a direct result of damages to the electrical cable connection 6 and following that, the plaintiff suffered a losses. Therefore, the plaintiff was entitled to general damages/compensation for the losses. However, the burden was on the plaintiff to strictly prove its losses. In this case, the plaintiff failed to prove its claim of compensation strictly (see para 27).

(3) The plaintiff's damage and losses was reasonably foreseeable by the defendant because the defendant knew about the position and condition of the cables. There were also proximity of links between the plaintiff and the defendant in this case and the defendant should be entrusted with the duty of care to the plaintiff because the plaintiff was a customer that generated most of the defendant's income. Therefore, the defendant had a duty of care to continuously supply electricity to the plaintiff and had breached the obligation, causing losses to the plaintiff (see paras 35–36).

(4) The documents were submitted by the plaintiff to prove the plaintiff's claim was in the amount of RM8,183,305 but the officer who prepared and had the actual knowledge of those documents was not called by the plaintiff to testify and in fact no reasons were given for the failure to produce these officers. However, under s 74 of the Contracts Act 1950, the plaintiff was entitled to receive compensation for the losses caused by

A the stoppage of electricity supply incident since it was a direct consequence of the damage that occurred in TNB's connection 6 electric cables during the period of the incident (see paras 42, 43 & 49).

(5) The third party was liable to indemnify the defendant against any order imposed by the court to be paid to the plaintiff by the defendant as a third party for negligence contributed to the incident which caused damage to the connection 6 of the TNB cable. However, the third party was not liable to pay damages to the defendant because the defendant's cables was old and sensitive. The defendant should be responsible for maintaining the cables. In addition, the defendant was not entitled to aggravated and exemplary damages, as the third party had been cooperating with the defendant in order to avoid damages during its run (see paras 56 & 61).

(6) Based on the facts of the case, the third party did not have full control over the situation at the scene. Therefore, the court could not make out a prima facie presumption that the incident would not have happened if not for the negligence of a third party (see para 58).

(7) In this case, the work was continued without proper planning by both parties despite the TNB tools being old and sensitive and in very wet conditions. All the factors mentioned above caused the inevitable incident. Any work undertaken by TNB to replace electrical cables and/or appliances TNB at the project site was something that was absolutely necessary and should have been done by TNB long before that. Thus, the claim for specific damages by TNB from a third party in this case was not justified (see paras 70–71).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai kewajipan berjaga-jaga, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1381–1500.

Untuk kes-kes mengenai pelanggaran, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3278–3286.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 2 AC 605; [1990] 1 All ER 568, HL (dirujuk)

*Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 MLJ 389; [2006] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Bekalan Elektrik 1990
Akta Keterangan 1950 s 73A(3)
Akta Kontrak 1950 s 74
Electricity Supply Regulation 1990

*Azlan Sulaiman (Amirul Izzat Hasri bersamanya) (Azmi & Assoc) bagi pihak perayu.*
*Ramesh Sivakumar a/l R Ramaveloo (Ramesh & Loo) bagi pihak responden.*
*Simrenjeet Singh (Ganathan Loh) bagi pihak ketiga.*

**Siti Khadijah PK:**

**[1]** Plaintif (dalam S-22–746 Tahun 2010) iaitu Southern Steel Bhd terlibat dalam pembuatan/pengilangan besi. Defendan, Tenaga Nasional Bhd ('TNB') (iaitu plaintif dalam S-22-795-2009) adalah syarikat yang telah ditubuh menurut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan membekal tenaga elektrik kepada plaintif. UEM Constructions Sdn Bhd ('UEM') iaitu pihak ketiga dalam tuntutan ini adalah defendan dalam S-22–795 Tahun 2009. UEM telah dilantik oleh Penang Bridge Sdn Bhd ('Penang Bridge') sebagai subkontraktor untuk menjalankan dan menyiapkan kerja-kerja membina Uniramp.

FAKTA YANG DIPERSETUJUI ANTARA PLAINTIF DAN DEFENDAN

**[2]** Bahawa pada kesemua masa material syarikat plaintif terlibat dalam industri membuat dan/atau mengilang besi (steel making industry) dan bahawa plaintif telah menjalankan dan/atau mengusahakan dan/atau mengerjakan operasi pengeluarannya menerusi dua buah kilang membuat besi (steel making plant) serta tiga buah 'rolling mills' yang terletak di alamat No 2723 Lorong Perusahaan 12, Prai Industrial Estate 13600 Prai, Pulau Pinang.

**[3]** Bahawa defendan telah menurut suatu perjanjian bertulis dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 ('Electricity Supply Act') dan juga peruntukan-peruntukan di bawah (Electricity Supply Act) bersetuju untuk membekalkan dan telah membekalkan keperluan elektrik kepada syarikat plaintif bagi menjalankan dan/atau mengusahakan dan/atau mengerjakan operasinya pengeluarannya menerusi dua buah kilang membuat besi serta tiga buah 'rolling mills' yang terletak di alamat No 2723 Lorong Perusahaan 12 Prai Industrial Estate 13600 Prai Pulau Pinang.

**[4]** Bermula pada 26 Ogos 2008 sehingga ke 1 Sembilan 2008, telah berlaku gangguan dan/atau hentian bekalan elektrik ke premis syarikat plaintif iaitu di dua buah kilang membuat besi serta tiga buah 'rolling mills' yang terletak di alamat No 2723 Lorong Perusahaan 12 Prai Industrial Estate 13600 Prai Pulau Pinang.

FAKTA DIPERSETUJUI ANTARA DEFENDAN DAN PIHAK KETIGA

**[5]** Pihak ketiga telah dilantik oleh Penang Bridge pada sekitar 17 Julai 2009 untuk membina Uniramp. Pihak ketiga telah mendapatkan komen-komen berkaitan pembinaan Uniramp tersebut daripada TNB melalui surat-surat daripada TNB bertarikh 28 September 2007, 23 Oktober 2007 dan 6 Disember 2007.

KES PLAINTIF

**[6]** Merujuk kepada perjanjian bertulis antara plaintif dan TNB dan tertakluk kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 serta Electricity Supply Regulation 1990, TNB bersetuju untuk membekalkan keperluan elektrik kepada plaintif.

**[7]** Keseluruhan operasi pengeluaran plaintif 24 jam sehari dan tujuh hari dalam seminggu adalah bergantung kepada bekalan elektrik yang disalurkan oleh TNB, dan TNB mengetahui secara langsung dan/atau tidak langsung berhubung penggantungan tersebut.

**[8]** Bermula pada 26 Ogos 2008 hingga 1 September 2009, bekalan elektrik kepada plaintif telah terganggu/terhenti hingga menyebabkan pengeluaran di premis/kilang plaintif terganggu dan tergendala yang secara langsung telah merugikan plaintif.

**[9]** Kegagalan dan/atau kecuaian TNB untuk menyalur bekalan elektrik secara berterusan ke kilang/premis plaintif merupakan pemecahan/keingkaran kontrak oleh TNB.

**[10]** Sehubungan dengan itu, TNB adalah bertanggungan untuk membayar ganti rugi atau pampasan kepada plaintif atas kerugian yang telah dialami.

**[11]** Secara alternatif, plaintif mendakwa bahawa TNB yang mempunyai kewajipan untuk berjaga-jaga terhadap plaintif telah mengingkari kewajipan tersebut dan telah menyebabkan plaintif menanggung kerugian khas dan kerugian am.

KES TNB

**[12]** Pada 26 Ogos 2008, UEM sama ada secara sendiri, pekerja atau agennya ataupun melalui kontraktornya telah dengan sengaja, tidak berhati-hati, cuai dan atau secara peninggalan (*omission*) telah menceroboh, dan/atau dengan cuainya telah merosakkan kabel elektrik dan/atau peralatan elektrik TNB di tapak projek.

**[13]** UEM secara cuainya telah menyebabkan berlakunya insiden, inter alia, gagal untuk mengambil langkah-langkah munasabah untuk mengesan atau menentukan kewujudan letaknya kabel TNB, menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa mengambil tindakan berjaga-jaga dan gagal untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga (*precautionary steps*) dan gagal untuk memaklumkan secepat mungkin kepada TNB mengenai insiden tersebut.

**[14]** Kerosakan kepada kabel-kabel TNB adalah bukti bahawa UEM telah cuai dan TNB bergantung kepada doktrin *res ipsa loquitur* dalam tuntutannya terhadap UEM.

KES UEM

**[15]** Kabel-kabel elektrik (dan/atau peralatan-peralatan elektrik) 132Kv (kabel-kabel elektrik itu) kepunyaan TNB terletak dalam kawasan berdekatan/berhampiran dengan kawasan kerja-kerja Uniramp.

**[16]** TNB dan UEM telah banyak berbincang untuk mendapatkan suatu kaedah untuk melindungi kabel-kabel elektrik TNB semasa kerja-kerja cerucuk dijalankan di kawasan tersebut.

**[17]** Pelbagai ujian tekanan, penentuan lokasi kabel-kabel, penyiasatan tanah dan penghitungan kabel-kabel di kawasan tersebut telah dijalankan oleh UEM dan laporan-laporan dan/atau keputusan-keputusan mengenainya telah dikemukakan dan diterima oleh TNB.

**[18]** Setelah berpuas hati dengan ujian-ujian yang dijalankan oleh UEM, TNB telah memilih dan meluluskan kaedah perlindungan kabel-kabel elektrik itu dengan menggunakan kaedah penanaman cerucuk-cerucuk (*injection of piles*) 'jack-in pile' untuk digunakan oleh UEM.

**[19]** UEM telah mengguna pakai kaedah-kaedah dan langkah-langkah keselamatan, perlindungan dan langkah-langkah berjaga-jaga yang diluluskan oleh TNB semasa menjalankan kerja-kerja Uniramp.

**[20]** Jurutera TNB dan/atau wakilnya telah hadir di tapak kerja pada setiap masa untuk mengarah dan menyelia kerja-kerja Uniramp.

**[21]** UEM menafikan semua liabiliti terhadap sebarang kerosakan pada kabel-kabel TNB. UEM mengatakan adalah menjadi tanggungjawab TNB sendiri untuk memastikan kabel-kabel elektrik dan sambungan-sambungannya dalam keadaan baik.

**[22]** Doktrin *res ipsa loquitor* tidak terpakai dan sebarang kerosakan yang berlaku pada kabel-kabel TNB telah disebabkan oleh TNB sendiri, juruteranya dan/atau wakil-wakilnya.

ISU-ISU ANTARA PLAINTIF DAN TNB YANG PERLU DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH ADALAH:

**[23]**

(a) sama ada TNB telah melakukan pemecahan kontrak secara ingkar, abai dan/atau cuai apabila gagal untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan dan/atau tanpa gangguan ke premis kilang membuat besi (dua jentera membuat besi dan tiga buah mesin penggelek besi) milik plaintif?

(b) sama ada plaintif telah mengalami kerugian dan sama ada TNB bertanggungan untuk membayar ganti rugi am dan ganti rugi khas kepada plaintif berhubung kesemua dan segala kerugian yang telah dialami oleh plaintif akibat daripada gangguan dan/atau hentian bekalan elektrik ke premis plaintif (dua buah kilang besi dan tiga buah kilang penggelek) daripada 26 Ogos 2008 ke 1 September 2008?

(c) sama ada TNB mempunyai kewajipan berjaga-jaga (*owe a duty of care*) untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan dan/atau tanpa gangguan ke premis kilang besi plaintif dan sama ada TNB telah mengingkari kewajipan berjaga-jaga tersebut bagi tempoh dari 26 Ogos 2008 sehingga ke 1 September 2008 dan sama ada plaintif telah mengalami kerugian (*damages*) akibat daripada keingkaran kewajipan berjaga-jaga tersebut?

(d) sama ada plaintif telah mengalami kerugian dan sama ada TNB bertanggungan untuk membayar ganti rugi am dan ganti rugi khas kepada plaintif berhubung kesemua dan segala kerugian yang telah dialami oleh plaintif akibat daripada kecuaian TNB dalam urusan pembekalan elektrik ke premis plaintif daripada 26 Ogos 2008 ke 1 September 2008?

ISU-ISU ANTARA TNB DAN UEM YANG PERLU DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH

(e) sama ada pada atau sekitar 26 Ogos 2008 UEM telah (secara sendiri atau melalui pekerja, agen-agen atau kontraktornya) telah dengan sengaja, tidak berhati-hati, cuai dan/atau secara ketinggalan (*omission*) menyebabkan kerosakan kepada kabel TNB

di tapak kerja, menyebabkan kehilangan pembekalan elektrik serta kegelapan di kawasan sekelilingnya (kawasan insiden tersebut)?

(f) sama ada timbul obligasi dari segi undang-undang atau ekuiti pada pihak UEM untuk memampaskan TNB dan sama ada TNB berhak untuk mendapat relif yang dipinta dalam perenggan sembilan penyata tuntutan 1 serta perenggan 24–25 penyata tuntutan bertarikh 5 April 2011 (penyata tuntutan 2) terhadap UEM?

(g) sama ada UEM bertanggungan untuk membayar ganti rugi kepada TNB?

(h) sama ada TNB boleh bergantung atas doktrin *res ipsa loquitor* dalam tuntutan kecuaian terhadap UEM?

(i) sama ada insiden tersebut disebabkan oleh kerja-kerja Uniramp yang dijalankan oleh UEM?

(j) sama ada TNB berhak untuk mendapat ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan daripada UEM?

(k) sama ada insiden dan kerosakan yang dialami oleh TNB, jika ada, disebabkan oleh peninggalan (*omission*) oleh TNB sendiri ataupun kegagalannya untuk memastikan kabel-kabel dan sambungan-sambungannya dalam keadaan baik?

(l) sama ada UEM telah melakukan segala yang perlu untuk keselamatan kabel-kabelnya dan/atau peralatan elektriknya?

(m) sama ada defendan telah mengkaji semula dan meluluskan semua cara-kerja dan langkah-langkah keselamatan oleh UEM dalam menjalankan kerja-kerja Uniworks? dan

(n) sama ada insiden tersebut berbangkit daripada kemalangan yang tidak dapat dielakkan?

PENILAIAN KETERANGAN, PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG SERTA DAPATAN MAHKAMAH

*Sama ada TNB telah melakukan pemecahan kontrak apabila TNB ingkar, abai, cuai dan gagal untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan dan/atau tanpa gangguan ke premis kilang membuat besi (dua jentera membuat besi dan tiga buah mesin penggelek 'rolling mills') milik plaintif?*

**[24]** Mengikut plaintif memandangkan keperluannya untuk melanggan daripada TNB bekalan eletrik dalam jumlah yang besar dan untuk memastikan bekalan elektrik secara berterusan ia telah memasuki beberapa perjanjian pembekalan elektrik dengan TNB di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Perjanjian-perjanjian tersebut adalah bertarikh 4 Mac 1991 (No kontrak 05639), perjanjian tambahan bertarikh 15 Julai 1993 dan satu lagi perjanjian tambahan bertarikh 15 Julai 1995.

**[25]** Merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani dalam tahun 1991 (ms 3 B2), plaintif telah mengisytiharkan keperluan bekalan maksimum sebanyak 50,000 kilowatt elektrik sehari dan dalam dua lagi perjanjian tambahan selepas itu (ms 12 dan 28 para 2 B2), plaintif mengisytiharkan keperluan maksimum sebanyak 48,000 kilowatt elektrik sehari. Memandangkan pada sepanjang masa TNB tidak pernah menyalurkan bekalan elektrik kurang daripada jumlah (melalui feeder 3 dalam tempoh kejadian) itu maka dari segi peruntukan terma kontrak antara kedua-dua pihak, mahkamah mendapati TNB tidak pernah memungkiri terma-terma perjanjiannya dengan plaintif.

*Sama ada plaintif telah mengalami kerugian dan sama ada TNB bertanggungan untuk membayar ganti rugi am dan ganti rugi khas kepada plaintif berhubung kesemua dan segala kerugian yang telah dialami oleh plaintif akibat daripada gangguan dan/atau hentian bekalan elektrik ke premis syarikat plaintif (dua buah kilang besi dan tiga buah kilang penggelek) daripada 26 Ogos 2008 ke 1 September 2008?*

**[26]** Tidak terdapat pertikaian dalam perkara ini bahawa pembekalan elektrik oleh TNB kepada plaintif melalui feeder 1 dan feeder 2 telah terganggu sebagai kesan langsung daripada kerosakan yang berlaku pada sambungan 6 pada kabel elektrik milik TNB. Tidak dapat dinafikan dan jelas daripada fakta bahawa plaintif telah mengalami kerugian. Sehubungan dengan itu, plaintif berhak mendapat ganti rugi am/pampasan atas kerugian yang berlaku ke atasnya ekoran daripada kerosakan pada kabel TNB tersebut.

**[27]** Mahkamah mendapati TNB telah mengakui hakikat bahawa kejadian tersebut telah menyebabkan kerugian ke atas plaintif. Namun demikian, terletak beban atas plaintif untuk membuktikan secara ketat segala kerugian yang dikatakan telah dialami sewaktu tempoh insiden khususnya ganti rugi khas.

**[28]** Walaupun daripada keterangan adalah jelas plaintif telah mengalami kerugian atas dasar imbangan kebarangkalaian, mahkamah mendapati plaintif gagal membuktikan tuntutan ganti ruginya secara ketat sepertimana yang diperlukan oleh undang-undang.

*Sama ada TNB mempunyai kewajipan berjaga-jaga (owe a duty of care) untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan dan/atau tanpa gangguan ke premis kilang besi plaintif dan sama ada TNB telah mengingkari kewajipan berjaga-jaga tersebut bermula pada 26 Ogos 2008 sehingga ke 1 September 2008*

*dan sama ada plaintif telah mengalami kerugian (damages) akibat daripada keingkaran kewajipan berjaga-jaga tersebut?*

**[29]** Sebagai pelanggan yang tergolong sebagai pengguna perindustrian bervoltan tinggi, TNB telah menyambung kabel tenaga elektrik secara terus dari stesen penjana elektrik TNB ke premis plaintif. Tenaga elektrik disalurkan ke kilang plaintif melalui tiga feeder yang tergolong sebagai feeder 1, feeder 2 dan feeder 3.

**[30]** Mengikut TNB, apabila UEM memaklumkan kepada TNB niatnya untuk menjalankan kerja dekat dengan kabel TNB, UEM telah diminta cadangan kerja yang selamat terhadap kabel TNB. Dengan itu, mengikut TNB adalah terletak kepada UEM untuk menjalankan kerjanya mengikut cadangan kerja yang telah diluluskan oleh TNB. Sehubungan dengan itu, TNB mengatakan UEM mempunyai kewajipan untuk berjaga-jaga terhadap plaintif.

**[31]** Mengikut UEM pula, kecuaian terletak pada pihak plaintif. Ini adalah memandangkan plaintif telah memisahkan saluran bekalan elektrik ke kilangnya melalui tiga feeder secara berasingan. Ini dikatakan telah mewujudkan risiko terbantutnya saluran tenaga elektrik ke kilang plaintif yang telah mengakibatkan 'total power outage' ke kilang plaintif.

**[32]** Bagaimana pula dikatakan begitu? Sekiranya apa yang dikatakan oleh UEM itu betul, sudah tentu pada sekian lama plaintif sudah menghadapi kesukaran seperti yang dikatakan oleh UEM itu. Sebaliknya kejadian sebegitu tidak pernah terjadi sehinggalah UEM menjalankan kerjanya dekat dengan kedudukan kabel sambungan 6 milik TNB dimana terdapat feeder-feeder ke kilang plaintif.

**[33]** Dalam *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 2 AC 605; [1990] 1 All ER 568 (yang terpakai dalam semua tuntutan kecuaian) telah mengemukakan tiga ujian yang perlu dijawab sebelum mahkamah dapat menentukan sama ada wujud kewajipan berjaga-jaga.

**[34]** Ketiga-tiga peringkat ujian yang dirumuskan dalam kes *Caparo* telah digunapakai oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 MLJ 389; [2006] 2 CLJ 1 yang dalam keputusannya ada menyebut seperti berikut:

> Under English law, the general duty of care test enunciated in *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 2 AC 605 is applicable to all negligence claims, including claims for pure economic loss. Pursuant to this test, three questions have to be addressed, namely, whether the damage suffered by the plaintiff is reasonably foreseeable; whether there is a relationship of proximity between the plaintiff and

A the defendant; and whether it is fair and reasonable that the defendant should owe the plaintiff a duty of care.

B **[35]** Merujuk kepada tiga ujian yang dirumuskan dalam kes-kes di atas dan yang telah digunapakai untuk menjawab persoalan-persoalan dalam kes ini adalah seperti berikut:

(a) sama ada kecederaan/kerosakan/kerugian yang dialami oleh plaintif secara munasabahnya dapat diramalkan;

C (b) sama ada wujud kedekatan pertalian antara plaintif dan TNB; dan

(c) sama ada adil dan berpatutan untuk TNB dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif.

D Sama ada kecederaan/kerosakan/kerugian yang dialami oleh plaintif secara munasabahnya dapat diramalkan?

E **[36]** Daripada keterangan adalah jelas TNB tahu kedudukan kabel-kabelnya dan keadaan kabel-kabelnya yang berada berdekatan siapa, kerosakan dan kerugian yang dihadapi oleh plaintif telah secara munasabahnya telah dapat diramalkan oleh TNB dan juga UEM.

Sama ada wujud kedekatan pertalian antara plaintif dan TNB?

F **[37]** TNB berhujah bahawa 'TNB has millions of customers and cannot possibly know or be held accountable for each of them run their business or how they configure and utilise their supply of electricity'. Begitu kah? Bukankah plaintif berkedudukan 'one in a million customer'. Plaintif mengguna secara purata bekalan elektrik pada anggaran RM16 juta sebulan.

G Walaupun TNB mempunyai berjuta-juta pelanggan, tidakkah TNB akan tahu jika plaintif tidak membayar jumlah itu atas langganannya daripada TNB setiap bulan? Sudah tentu TNB mempunyai cara pengendalian selok belok perniagaannya.

H **[38]** Adalah tidak wajar bagi TNB memplid 'ignorance' dalam mengatasi kerumitan asam garam perniagaannya semata-mata atas alasan ia mempunyai berjuta-juta pelanggan. Pada pertimbangan mahkamah, walaupun TNB mempunyai ramai pelanggan dengan berdasarkan keterangan dan fakta khusus kes ini memang wujud kedekatan pertalian antara plaintif dan TNB dalam kes

I ini.

*Sama ada adil dan berpatutan untuk TNB dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif?*

**[39]** Memandangkan plaintif merupakan pelanggan yang menyumbangkan sebahagian besar pendapatan TNB, adalah tidak wajar dan tidak adil untuk mengatakan TNB tiada kaitan dan tidak bertanggungjawab ke atas gangguan bekalan elektrik yang telah menjejaskan kelancaran kerja plaintif yang bergantung penuh atas bekalan elektrik daripada TNB. Dalam konteks kes ini, mahkamah mendapati adalah adil dan berpatutan untuk TNB dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif.

**[40]** Atas alasan-alasan seperti di atas dan atas imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati bahawa TNB mempunyai kewajipan berjaga-jaga (*owe a duty of care*) untuk menyalurkan bekalan elektrik secara berterusan dan/atau tanpa gangguan ke premis kilang besi plaintif dan dalam kes ini didapati TNB telah mengingkari kewajipan berjaga-jaga tersebut bermula pada 26 Ogos 2008 sehingga ke 1 September 2008. Dalam kejadian ini telah didapati plaintif telah mengalami kerugian (*damages*) akibat daripada keingkaran kewajipan berjaga-jaga tersebut?

*Sama ada plaintif telah mengalami kerugian dan sama ada TNB bertanggungan untuk membayar ganti rugi am dan ganti rugi khas kepada plaintif berhubung kesemua dan segala kerugian yang telah dialami oleh plaintif akibat daripada kecuaian TNB dalam urusan pembekalan elektrik ke premis plaintif daripada 26 Ogos 2008 ke 1 September 2008?*

**[41]** Plaintif memplid tuntutan ganti rugi atas kerugian khas daripada TNB sebanyak RM11,041,402.

**[42]** Walau bagaimanapun, ms 1–26 di ikatan dokumen B3 telah dikemukakan oleh plaintif melalui SP2 bagi tujuan membuktikan tuntutan khas plaintif sebanyak RM8,183,305.

**[43]** Apa yang jelas kepada mahkamah adalah pegawai yang menyediakan dan mempunyai pengetahuan sebenar mengenai dokumen-dokumen tersebut tidak dipanggil oleh plaintif untuk memberi keterangan mengenainya. Adalah tidak memadai bagi pihak plaintif untuk cuma mengatakan saksi yang menyediakan dokumen tersebut sudah tidak bekerja lagi dengan plaintif dan SP2 yang tidak mempunyai 'personal knowledge' mengenainya telah hadir sebagai ganti.

**[44]** Sekurang-kurangnya plaintif mengemukakan keterangan yang memuaskan untuk menerangkan kepada mahkamah mengapa pegawai yang menyediakan dokumen tersebut tidak dikemukakan di mahkamah untuk menjelaskan kandungan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu. Ini gagal dilakukan.

**[45]** Dalam hal ini, plaintif juga tidak mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa dokumen-dokumen tersebut merupakan sebahagian daripada rekod yang disediakan dalam amalan kerja harian di pejabat plaintif dan pada sepanjang masa berada dalam simpanan di pejabat plaintif.

**[46]** Mengikut keterangan SP2, dokumen-dokumen tersebut dikemukakan oleh plaintif setelah disediakan bagi tujuan kes ini. SP2 memberitahu dokumen-dokumen tersebut telah disediakan bagi maksud menunjukkan ganti rugi khas yang ditanggung oleh plaintif.

**[47]** Merujuk kepada s 73A(3) Akta Keterangan 1950:

> Nothing in this section shall render admissible as evidence any statement made by a person interested at a time when proceedings were pending or anticipated, involving a dispute as to any fact which the statement might tend to establish.

**[48]** Selain daripada itu, tiada pembuktian yang memuaskan untuk menunjukkan kepada mahkamah dengan jelas tentang kehilangan waktu kerja dan kerugian akibat kejatuhan jumlah pengeluaran yang ditanggung oleh plaintif disebabkan kerosakan yang berlaku. Jumlah 'lost hours' dan kerugian akibatnya yang dikemukakan oleh plaintif dengan cara membandingkan jumlah kerja tercapai dan pendapatan pada bulan sebelumnya (Julai) dalam tahun yang sama didapati tidak mencukupi untuk menunjukkan jumlah purata pendapatan bulanan plaintif bertujuan membuktikan kehilangan plaintif pada bulan Ogos tahun tersebut yang dikatakan oleh plaintif dalam kes ini.

**[49]** Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati di bawah s 74 Akta Kontrak 1950, plaintif berhak untuk menerima pampasan atas kerugian yang telah ditanggungnya disebabkan putusnya bekalan elektrik pada tempoh insiden berlaku. Daripada keterangan dalam tuntutan ini, mahkamah berpuas hati bahawa putusnya bekalan elektrik di premis plaintif merupakan kesan langsung daripada kerosakan yang berlaku pada sambungan enam kabel elektrik TNB pada sepanjang tempoh kejadian. Kejadian ini telah menyebabkan kerugian ditanggung oleh plaintif.

BERKAITAN ISU-ISU ANTARA TNB DAN UEM YANG PERLU DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH

*Sama ada pada atau sekitar 26 Ogos 2008 UEM (secara sendiri atau melalui pekerja, agen-agen atau kontraktornya) telah dengan sengaja, tidak berhati-hati, cuai dan/atau secara ketinggalan (omission) menyebabkan kerosakan kepada kabel TNB di 'Tapak Projek Pembinaan Uniramp' (insiden tersebut)?*

**[50]** Mengikut TNB daripada awal lagi telah dimaklumkan kepada UEM bahawa kabel-kabel TNB adalah lama (berusia 20 tahun), 'in poor condition' dan 'sensitive' kepada 'settlement' tanah. UEM diperlukan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan untuk memastikan tiada 'land settlement' pada sambungan 6 di kabel TNB.

**[51]** Sehubungan dengan itu, TNB telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan UEM sebelum pekerjaan oleh UEM dimulakan.

**[52]** TNB mengatakan kerja-kerja UEM melibatkan jentera seberat 170 tan (mesin JIP) yang pergerakannya mempunyai impak di atas tanah di tapak projek. Untuk memastikan keselamatan kepada cabaran-cabaran yang dijangkakan melalui suratnya bertarikh 21 Julai 2008, TNB meminta supaya 'temporary trench' (mengikut ukuran dalam lakaran seperti di ms 277 B5) dibuat pada jarak yang bersesuaian dengan sambungan 6 di kabel TNB sebelum kerja dimulakan oleh UEM. TNB mengatakan UEM cuai kerana UEM yang telah tahu berkenaan dengan tiga feeder-feeder plaintif di tapak kerja tetapi tidak membuat 'trench' mengikut permintaan TNB.

**[53]** UEM sebaliknya mengatakan bahawa yang cuai adalah TNB kerana tidak menyediakan kakitangannya di tapak projek setiap masa kerja dijalankan untuk memberi nasihat kepada pekerja UEM apabila timbul keperluan. Di samping itu, UEM mengatakan TNB tidak mematuhi permintaan jurutera kanan (awam) kepada pengurus wilayah utara yang meminta supaya TNB memeriksa kekukuhan kabel sebelum kerja bermula.

**[54]** TNB membantah pernyataan UEM dalam hal ini kerana dikatakan pekerjaan UEM melibatkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan sivil yang tidak dimiliki oleh TNB. Sehubungan dengan itu, TNB mengatakan kehadiran pakar dari HSSI yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang di perlukan di tapak kerja adalah memadai untuk sentiasa mengawasi pekerjaan kakitangan UEM di situ. Selain daripada itu, berkaitan permintaan pemeriksaan kekukuhan kabel itu ada perkara yang melibatkan pihak-pihak di antara TNB sendiri dan tiada kaitan dengan UEM.

**[55]** UEM mengatakan HSSI telah dalam kajiannya mencadangkan dua opsyen untuk dipilih satu olehnya, tentang kaedah kerja di tapak projek. Sehubungan dengan itu pilihannya adalah opsyen 1 yang tidak memerlukan pembuat trench berdekatan dengan sambungan 6 pada kabel TNB.

*Sama ada timbul obligasi dari segi undang-undang atau ekuiti di pihak UEM untuk memampaskan TNB dan sama ada TNB berhak untuk mendapat relif yang dipinta dalam perenggan 9 penyata tuntutan 1 serta para 24 dan 25 penyata*

*tuntutan bertarikh 5 April 2011 (penyata tuntutan 2) terhadap UEM?*

**[56]** Merujuk kepada para 9 penyataan tuntutan 1 serta para 24 dan 25 penyataan tuntutan bertarikh 5 April 2011 (penyataan tuntutan 2) terhadap UEM, mahkamah mendapati UEM bertanggungan untuk menanggung-rugi (*indemnify*) TNB terhadap apa-apa perintah yang dikenakan oleh mahkamah untuk dibayar kepada plaintif oleh defendan. Ini adalah memandangkan UEM juga didapati cuai secara sumbangan (*contributory*) terhadap kemalangan yang menyebabkan kerosakan kepada sambungan 6 pada kabel TNB yang didapati secara langsungnya telah menyebabkan gangguan pada pembekalan elektrik melalui feeder 1 dan 2 ke premis kilang plaintif.

*Sama ada UEM bertanggungan untuk membayar ganti rugi kepada TNB?*

**[57]** UEM didapati tidak bertanggungan untuk membayar ganti rugi kepada TNB. Ini adalah memandangkan kabel-kabel TNB memang sudah lama dan dalam keadaan sensitif. Sama ada kejadian dalam insiden ini berlaku ataupun tidak adalah tanggungjawab TNB untuk mengganti dan selenggara kabel-kabel dan sambungannya yang berada dalam keadaan sensitif.

*Sama ada TNB boleh bergantung atas doktrin res ipsa loquitor dalam tuntutan kecuaian terhadap UEM?*

**[58]** Berdasarkan fakta kes, mahkamah tidak boleh membuat anggapan bahawa secara prima facie kejadian tidak akan berlaku jika tidak kerana kecuaian UEM. Daripada fakta kes adalah jelas dari awal lagi bahawa keadaan adalah sensitif disebabkan kabel-kabel TNB yang begitu lama dan sensitif sedangkan UEM dikehendaki menjalankan kerjanya juga di tempat itu dalam tempoh waktu tersebut. Fakta kes menunjukkan dari awal lagi UEM tidak mempunyai kawalan penuh atas situasi di tempat kejadian. Selain daripada kabel lama dan sensitif keadaan tanah telah diburukkan lagi apabila berlaku hujan lebat semasa UEM menjalankan kerjanya di situ.

*Sama ada insiden tersebut disebabkan oleh kerja-kerja Uniramp yang dijalankan oleh UEM?*

**[59]** Mahkamah mendapati jika kerja-kerja Uniramp tidak dijalankan di tempat kejadian insiden tersebut tidak berlaku.

*Sama ada TNB berhak untuk mendapat ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan daripada UEM?*

**[60]** Mahkamah mendapati TNB tidak berhak untuk mendapat ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan daripada UEM.

**[61]** Pada pandangan mahkamah, dalam situasi dan konteks dalam kes ini adalah tidak wajar untuk UEM dihukum dengan dikenakan bayaran ganti rugi kepada TNB dalam bentuk ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk. UEM telah bekerjasama dengan TNB dalam usahanya untuk mengelakkan dari berlaku kerosakan semasa kerjanya dijalankan.

*Sama ada insiden dan kerosakan yang dialami oleh TNB, jika ada, disebabkan oleh peninggalan (omission) oleh TNB sendiri ataupun kegagalannya untuk memastikan kabel-kabel dan sambungan-sambungannya dalam keadaan baik?*

**[62]** Daripada fakta kes dan keterangan oleh pakar-pakar, kerosakan tidak akan berlaku jika kabel dan sambungan kabel berada dalam keadaan baik, dan kemalangan dalam insiden ini tidak akan terjadi jika disamping kabel yang elok, diwujudkan 'trench' dalam jarak yang sesuai seperti yang diarahkan. Mahkamah menerima keterangan dari kedua-dua orang pakar yang dikemukakan dalam kes ini oleh TNB dan juga oleh UEM. Kedua-duanya mempunyai kelulusan yang tinggi dan pengalaman yang luas.

*Sama ada UEM telah melakukan segala yang perlu untuk keselamatan kabel-kabel dan/atau peralatan elektrik?*

**[63]** Mahkamah mendapati UEM tidak melakukan segala yang perlu untuk keselamatan kabel-kabel dan peralatan elektrik yang dimaksudkan dalam kes ini. Mengikut UEM ia cuba mewujudkan 'trench' tetapi menghadapi masalah apabila tanah di dalam sebelah tepi 'trench' runtuh dan tidak dapat bertahan. Akhirnya UEM meletak batu dalam 'trench' yang dibuat.

**[64]** Dalam pemeriksaan balas terhadap saksi UEM, peguamcara TNB ada mencadangkan bahawa apabila trench diisi batu, ia tidak wujud sebagai 'trench' lagi. Contoh yang diberi adalah apabila di dalam lubang diisi tanah atau batu maka apa yang pada awalnya adalah lobang sudah tidak boleh dirujuk sebagai lobang lagi. Mahkamah bersetuju dengan pandangan peguamcara TNB dalam perkara ini.

**[65]** Fakta kes menunjukkan kepada mahkamah semasa kerja dijalankan telah berlaku hujan lebat. Sudah tentu keadaannya tidak akan sama dengan keadaannya bila tanah kering berbanding dengan keadaan tanah basah. Kedudukan dan pergerakan jentera JIP seberat 170 tan di atas tanah basah sudah tentunya memerlukan pertimbangan yang lain dan tindakan yang lain. Tiada keterangan dikemukakan untuk menunjukkan usaha lain dijalankan untuk mengatasi masalahnya yang bersesuaian dengan tanah basah.

**[66]** Terdapat keterangan juga pakar bahawa alat TNB di bahagian berkenaan adalah terlaku lama, dan dalam keadaan sensitif menyebabkan

keadaannya terdedah kepada ancaman kerosakan. Berkaitan keadaan ini, terdapat keterangan dari pakar bahawa pengumpulan air berikutan kejadian hujan telah memburukkan keadaan sambungan kabel khususnya dibahagian sambungan 6.

**[67]** Berdasarkan fakta kes, kedua-dua pihak perlu menimbang semula bentuk tindakan yang perlu diambil dalam situasi tersebut. Terdapat juga keperluan kajian semula atas kedudukan situasi yang telah berubah berbanding keadaan sebelumnya. Didapati kedua-dua pihak telah mengabaikan tanggungjawab masing-masing.

*Sama ada defendan telah mengkaji semula dan meluluskan semua cara-kerja dan langkah-langkah keselamatan oleh UEM dalam menjalankan kerja-kerja Uniworks?*

**[68]** Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan TNB telah mengkaji semula dan meluluskan cara kerja dan langkah-langkah keselamatan oleh UEM dalam menjalankan kerja-kerja Uniworks.

*Sama ada insiden tersebut berbangkit daripada kemalangan yang tidak dapat dielakkan?*

**[69]** Walau apapun berlaku, seperti hujan lebat yang secara alamiah sudah tentu akan membawa perubahan kepada keadaan tanah dan apabila memandu jentera seberat 170 tan di atas tanah basah sudah tentu mempunyai kesan yang berbeza daripada memandunya di atas tanah yang kering.

**[70]** Jika kajian yang dibuat adalah untuk keadaan yang tidak hujan maka apabila berlakunya hujan lebat seperti dalam kes ini sudah tentulah memerlukan kajian semula oleh kedua-dua pihak ataupun tidak meneruskan kerja dalam keadaan yang telah berubah disebabkan oleh hujah lebat. Namum demikian, kerja telah diteruskan tanpa perancangan sewajarnya oleh kedua-dua pihak walaupun dalam keadaan alat-alat TNB begitu lama dan sensitif dan keadaan tanah yang sangat basah. Semuanya faktor-faktor yang disebut di atas telah menjadikan kemalangan yang berlaku dalam kes ini tidak dapat dielakkan lagi.

**[71]** Apa-apa kerja yang dijalankan oleh TNB untuk mengganti kabel elektrik dan/atau peralatan elektrik TNB di tapak projek adalah sesuatu yang sememangnya perlu dan sepatutnya telah dilakukan oleh TNB lama sebelum itu. Dengan itu, tuntuntan ganti rugi khas oleh TNB dariapda UEM dalam perkara ini tidak dibenarkan.

**[72]** Merujuk kepada alasan-alasan di atas, keterangan, fakta dan

dokumen-dokumen serta rumusan imbangan kebarangkalian, mahkamah mendapati plaintif telah membuktikan kesnya terhadap TNB dan bahawa ia menanggung kerugian. Sehubungan dengan itu mahkamah benarkan tuntutan plaintif terhadap TNB. Mahkamah mendapati TNB telah berjaya membuktikan bahawa UEM juga bertanggungan atas kadar 50% cuai dalam kemalangan yang berlaku di tapak projek. Sehubungan dengan itu mahkamah membenarkan tuntutan TNB terhadap UEM atas kadar tersebut.

**[73]** Dengan itu mahkamah membenarkan ganti rugi am sebanyak RM4 juta kepada plaintif. TNB hendaklah membayar seluruh jumlah ini kepada plaintif. Memandangkan mahkamah mendapati UEM bertanggungan atas kadar 50% cuai dalam kemalangan tersebut, UEM diperintahkan supaya membayar RM2 juta kepada TNB sebagai ganti kepada jumlah yang kena dibayar oleh TNB kepada plaintif. Faedah adalah 5% setahun atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman ke tarikh perlaksanaan penghakiman. Kos adalah RM20,000 untuk dibayar kepada plaintif oleh TNB dan RM10,000 hendaklah dibayar oleh UEM kepada TNB.

*Tuntutan plaintif ke atas defendan dibenarkan dengan kos RM20,000 dan tuntutan defendan ke atas pihak ketiga dibenarkan dengan kos RM10,000.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar